

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)
(Diperbadankan di Malaysia)

**Penyata kewangan bagi tahun berakhir pada
31 Disember 2007 bersama dengan
laporan Pengarah dan Juruaudit**

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Kandungan

Muka Surat

Laporan Pengarah	1 - 8
Penyata Pengarah	9
Akuan berkanun	10
Laporan juruaudit	11
Lembaranimbangan	12
Penyata pendapatan	13
Akaun hasil insurans am	14
Penyata perubahan dalam ekuiti	15
Penyata aliran tunai	16 - 17
Nota-nota kepada penyata kewangan	18 - 50

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan pengarah bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2007

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2007.

Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat adalah dalam penajaan jamin semua jenis kelas perniagaan insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam jenis aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

Keputusan

	RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun	107,073 =====

Dividen

Jumlah dividen dibayar oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan yang lalu adalah seperti berikut:

- i) dividen interim pertama sebanyak 30.0 sen sesaham biasa ditolak cukai pada 27% berjumlah RM21,900,000 (21.9 sen bersih sesaham biasa) berhubung dengan tahun berakhir pada 31 Disember 2007 pada 20 Jun 2007;
- ii) dividen interim kedua sebanyak 70.0 sen sesaham biasa ditolak cukai pada 27% berjumlah RM51,100,000 (51.1 sen bersih sesaham biasa) berhubung dengan tahun berakhir pada 31 Disember 2007 pada 14 Disember 2007; dan
- ii) dividen interim ketiga sebanyak 40.0 sen sesaham biasa ditolak cukai pada 27% berjumlah RM29,200,000 (29.2 sen bersih sesaham biasa) berhubung dengan tahun berakhir pada 31 Disember 2007 pada 24 Disember 2007.

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen akhir untuk dibayar bagi tahun kewangan dalam tinjauan.

Rizab dan peruntukan

Tiada sebarang pindaan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

No. Syarikat 307414-T

Peruntukan bagi tuntutan tertunggak

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan yang secukupnya dibuat untuk tuntutan yang ditanggung termasuk tuntutan yang Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan (IBNR).

Hutang lapuk dan ragu

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan secukupnya telah disediakan untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang mungkin menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi sehingga mencapai peringkat yang menjejaskan.

Aset semasa

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang-hutang, yang tidak mungkin dapat direalisasikan melalui urusan biasa perniagaan, pada nilai seperti yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang akan menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat adalah mengelirukan.

Kaedah penilaian

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari timbulnya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada ke atas aset atau liabiliti Syarikat adalah mengelirukan atau tidak sesuai.

Liabiliti luar jangka dan liabiliti lain

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan dan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

No. Syarikat 307414-T

Tiada sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah atau mungkin berkuat kuasa dalam tempoh dua belas bulan sejak akhir tahun kewangan, yang mana pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan ketara keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya.

Bagi tujuan perenggan ini, liabiliti luar jangka atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang terbit daripada kontrak-kontrak insurans yang ditaja jamin dalam urusan biasa perniagaan Syarikat.

Perubahan keadaan

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Perkara-perkara luar biasa

Selain daripada keuntungan atas penjualan pelaburan berjumlah kira-kira RM52.7 juta seperti yang dinyatakan di dalam Nota 17 kepada penyata kewangan, Para Pengarah berpendapat bahawa keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa.

Para Pengarah berpendapat bahawa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa yang mungkin menjejaskan dengan ketara hasil operasi Syarikat bagi tahun yang mana laporan ini disediakan.

Modal saham

Tiada sebarang perubahan di dalam modal diterbitkan dan dibayar Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Urus tadbir korporat

Syarikat telah mematuhi kesemua syarat preskriptif, dan menerima pakai amalan-amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan di bawah Rangka Kerja Urus Tadbir Korporat bagi Penanggung Insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

No. Syarikat 307414-T

Jawatankuasa Pencalonan, Imbuan dan Pengurusan Risiko

i. Keahlian dan Mesyuarat Jawatankuasa

Komposisi Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut:

<u>Pengarah</u>	Pecalonan	Imbuan	Pengurusan Risiko
	<i>(Kehadiran/Jumlah Mesyuarat)</i>		
Tan Sri Dato' Sri Dr. Teh Hong Piow <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	Ahli (6/6)	Ahli (1/1)	-
Dato' Yeoh Chin Kee <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	Pengerusi (6/6)	Pengerusi (1/1)	Pengerusi (5/5)
Dato' Haji Abdul Aziz bin Omar <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) #</i>	Ahli (1/1)	Ahli (1/1)	Ahli (1/1)
Geh Cheng Hooi <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) ##</i>	Ahli (5/5)	Ahli -	Ahli (4/4)
Lee Chin Guan <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) ###</i>	Ahli (3/4)	Ahli -	Ahli (3/4)
Tee Choon Yeow <i>(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)</i>	Ahli (6/6)	-	-

Dari tarikh pelantikan beliau pada 9 Oktober 2007

Sehingga tarikh perletakan jawatan beliau pada 29 November 2007

Sehingga tarikh perletakan jawatan beliau pada 9 Oktober 2007

No. Syarikat 307414-T

ii. **Tanggungjawab Jawatankuasa**

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Pencalonan

- (i) Mewujudkan syarat-syarat minima bagi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan efektif.

Mengawasi seluruh komposisi Lembaga Pengarah berkenaan saiz dan kemahiran yang berpatutan, keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas, dan gabungan kemahiran dan kecekapan teras lain yang diperlukan, melalui kajian tahunan.
- (ii) Menilai dan mengesyor calon untuk keahlian pengarah, Pengarah untuk mengisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta calon untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif. Ini termasuk menilai Para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif yang dicadangkan untuk pelantikan semula, sebelum permohonan untuk kelulusan dihantar ke Bank Negara Malaysia.
- (iii) Mewujudkan satu mekanisma bagi penilaian formal atas keberkesanan Lembaga Pengarah secara menyeluruh, sumbangan setiap Pengarah untuk keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif.
- (iv) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah atas penyingkiran seorang Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif sekiranya beliau tidak efektif, ingkar atau cuai dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
- (v) Memastikan bahawa semua Pengarah menghadiri program induksi berpatutan dan menerima latihan berterusan.
- (vi) Mengawasi pelantikan, pelan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi pegawai kanan penting dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran pegawai kanan penting sekiranya mereka tidak efektif, ingkar atau cuai dalam melaksanakan tanggungjawab.

Jawatankuasa Imbuhan

- (i) Mencadang satu rangka kerja imbuhan untuk Para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting.
- (ii) Mencadang pakej imbuhan tertentu untuk Para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

- (i) Mengkaji semula dan memberi cadangan ke atas strategi pengurusan risiko, polisi dan ketahanan risiko bagi kelulusan Lembaga Pengarah.
- (ii) Mengkaji semula dan menilai kecukupan polisi pengurusan risiko dan garis panduan bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko serta setakat mana risiko tersebut beroperasi secara efektif.

No. Syarikat 307414-T

- (iii) Memastikan kecukupan infrastruktur, sumber dan sistem bagi pengurusan risiko yang efektif iaitu memastikan kakitangan bertanggungjawab melaksanakan sistem pengurusan risiko dan menjalankan tugas secara bebas bagi semua aktiviti pengambilan risiko Syarikat.
- (iv) Mengkaji semula laporan berkala pengurusan mengenai pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko.
- (v) Mengkaji semula dan menilai profil modal risiko bagi memastikan kecukupan modal yang tersedia dalam ekuiti insurans dan para pemegang saham untuk menyokong jumlah modal yang dikehendaki sebagaimana ditentukan dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.
- (vi) Memastikan pelaburan dana insurans sejajar dengan polisi pelaburan dan pengurusan risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- (vii) Mengkaji semula program dan polisi pengurusan risiko khidmat luar untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- (viii) Mengkaji semula penilaian pengurusan ke atas kepentingan khidmat luar yang sedia ada dan akan datang berdasarkan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- (ix) Memastikan semua polisi dan prosedur khidmat luar yang telah diluluskan dilaksanakan.
- (x) Mengkaji kajian pengurusan berkala atas polisi khidmat luar dan prosedur yang dilaksanakan bagi memastikan pengurusan risiko yang terus efektif.
- (xi) Dikemaskini oleh pihak pengurusan mengenai informasi yang berkaitan dengan risiko khidmat luar yang penting tepat pada masanya.
- (xii) Melaksanakan lain-lain fungsi berkaitan pengurusan risiko seperti yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Lembaga Pengarah.

iii. Penilaian oleh Jawatankuasa Pencalonan

Menilai dan mengkaji semula keberkesanan Lembaga Pengarah secara menyeluruh, sumbangan setiap Pengarah kepada keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa ini akan memastikan tugas-tugas dan tanggungjawab fidusiari Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting tidak dikompromi.

No. Syarikat 307414-T

iv. Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Proses formalisasi rangka kerja pengurusan risiko telah diperkukuhkan dengan inisiatif-inisiatif berikut:

- Satu Jawatankuasa Pengurusan Risiko (“RMC”) telah ditubuhkan untuk membimbing proses pengurusan risiko dalam mengenal pasti risiko perniagaan utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian untuk mengurus risiko ini. RMC disokong oleh Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (“WRMC”).
- WRMC, diketuai oleh Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif telah ditubuhkan dengan tanggungjawab untuk mengenal pasti dan berkomunikasi dengan RMC mengenai risiko-risiko kritikal (sedia ada dan berpotensi) mengenai kemungkinan pendedahan dan kesannya ke atas perniagaan Syarikat dan pelan tindakan pihak pengurusan untuk mengurus risiko-risiko ini secara berterusan.
- Satu Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko – Cawangan Singapura (“WRMCS”) juga telah ditubuhkan dengan tanggungjawab untuk mengenal pasti dan berkomunikasi dengan WRMC mengenai risiko-risiko kritikal (sedia ada dan berpotensi) mengenai kemungkinan pendedahan dan kesannya ke atas perniagaan Cawangan Singapura dan pelan tindakan pihak pengurusan untuk mengurus risiko-risiko ini secara berterusan. WRMCS juga dipengerusikan oleh Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif.
- Profil risiko yang digabungkan dan manual pengurusan risiko telah disediakan.

Opsyen dibenarkan ke atas saham belum diterbit

Tiada opsyen yang dibenarkan kepada sesiapa untuk mengambil saham Syarikat belum diterbit di sepanjang tahun.

Para Pengarah

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan lepas adalah:

Tan Sri Dato’ Sri Dr. Teh Hong Piow
 Dato’ Yeoh Chin Kee
 Tee Choon Yeow
 Tan Kok Guan
 Dato’ Haji Abdul Aziz bin Omar (dilantik pada 9 Oktober 2007)
 Lee Chin Guan (meletak jawatan pada 9 Oktober 2007)
 Geh Cheng Hooi (meletak jawatan pada 29 November 2007)

Kepentingan Para Pengarah

Memandangkan Syarikat adalah subsidiari milik penuh syarikat lain, kepentingan dalam saham syarikat induk bagi kesemua Pengarah, yang juga merupakan Para Pengarah syarikat induk, ditunjukkan di dalam laporan Pengarah syarikat induk.

No. Syarikat 307414-T

Faedah Para Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada Pengarah Syarikat yang telah menerima atau berhak menerima sebarang faedah (selain daripada faedah yang termasuk di dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh Para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Syarikat seperti yang dinyatakan di dalam Nota 19 kepada penyata kewangan) oleh sebab suatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah syarikat berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan sebuah firma di mana Pengarah tersebut adalah ahli, atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang besar, selain daripada seorang Pengarah yang mempunyai kepentingan kewangan yang besar dalam syarikat-syarikat yang mengurusniaga dengan Syarikat ini melalui perjalanan biasa perniagaan seperti yang dinyatakan di dalam Nota 25 kepada penyata kewangan.

Tidak wujud sebarang urusan di sepanjang dan pada akhir tahun kewangan dengan tujuan membenarkan Para Pengarah Syarikat mendapat faedah melalui pembelian saham dalam atau debentur Syarikat.

Juruaudit

Juruaudit, Tetuan KPMG, telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut satu resolusi Para Pengarah:

Ditandatangani

.....
Dato' Yeoh Chin Kee

Ditandatangani

.....
Tee Choon Yeow

Kuala Lumpur,

Tarikh: 14 Januari 2008

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata Pengarah menurut Seksyen 169 (15) Akta Syarikat, 1965

Pada pendapat Para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 12 hingga 50 telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan yang diterima pakai dan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk memberikan gambaran sebenar dan saksama tentang kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2007 dan keputusan operasi serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut satu resolusi Para Pengarah:

Ditandatangani

.....
Dato' Yeoh Chin Kee

Ditandatangani

.....
Tee Choon Yeow

Kuala Lumpur,

Tarikh: 14 Januari 2008

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

**Akuan Berkanun menurut
Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965**

Saya, **Tee Choon Yeow**, Pengarah yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Lonpac Insurance Bhd, dengan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 12 hingga 50, pada sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang tersebut di atas di Kuala Lumpur pada 14 Januari 2008.

Ditandatangani

.....

Tee Choon Yeow

Di hadapan saya:

G. GANESAN
Pesuruhjaya Sumpah

Laporan Juruaudit kepada Ahli Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)
(Diperbadankan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 12 hingga 50. Penyediaan penyata kewangan ini adalah tanggungjawab Para Pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat bebas, berdasarkan pengauditan kami, ke atas penyata kewangan tersebut dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memikul tanggungjawab ke atas mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan untuk mendapatkan jaminan yang wajar bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyataan material. Audit merangkumi pemeriksaan, secara ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Audit turut meliputi penilaian ke atas prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah serta menilai penyampaian keseluruhan penyata kewangan. Kami percaya bahawa pengauditan kami menyediakan asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan dengan teratur menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965, dan Piawaian Pelaporan Kewangan yang diterima pakai dan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk memberi gambaran sebenar dan saksama tentang:
 - i) kedudukan Syarikat pada 31 Disember 2007 dan keputusan operasi serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambil kira di dalam penyata kewangan Syarikat; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan teratur menurut peruntukan Akta tersebut.

Ditandatangani

KPMG

Nombor Firma: AF 0758
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur,
Tarikh: 14 Januari 2008

Ditandatangani

Khaw Hock Hoe

Rakan Kongsi
Nombor Kelulusan: 2229/04/08(J)

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Lembaran imbangan pada 31 Disember 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
Aset			
Hartanah dan peralatan	3	5,755	7,997
Hartanah pelaburan	4	9,990	8,546
Pelaburan	5	515,702	463,896
Pinjaman (terjamin)	6	18,965	18,927
Belum diterima dagangan dan lain-lain	7	67,874	49,722
Tunai dan kesetaraan tunai	8	5,872	6,375
		-----	-----
Jumlah aset perniagaan am dan dana pemegang saham		624,158	555,463
		=====	=====
Liabiliti			
Peruntukan bagi tuntutan tertunggak	9	205,454	170,862
Belum dibayar dagangan dan lain-lain	10	32,310	35,634
Pencukaian		14,194	7,392
		-----	-----
Jumlah liabiliti perniagaan am dan dana pemegang saham		251,958	213,888
		-----	-----
Rizab premium tidak terperoleh	11	169,792	143,660
		-----	-----
Dana pemegang saham			
Modal saham	12	100,000	100,000
Rizab		102,408	97,523
		-----	-----
Jumlah dana pemegang saham		202,408	197,523
		-----	-----
Liabiliti cukai tertunda	13	-	392
		-----	-----
Jumlah liabiliti dan dana pemegang saham		624,158	555,463
		=====	=====

Nota-nota di muka surat 18 hingga 50 merupakan sebahagian penting dari penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata pendapatan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
Hasil Operasi	15	523,297 =====	449,221 =====
Dana pemegang saham: Pendapatan pelaburan	16	630	568
		----- 630	----- 568
Pindahan daripada akaun hasil insurans am		145,184	86,975
		----- 145,814	----- 87,543
Keuntungan sebelum cukai		145,814	87,543
Perbelanjaan cukai	20	(38,741)	(25,993)
		----- 107,073	----- 61,550
Keuntungan bersih bagi tahun		107,073 =====	61,550 =====
Perolehan sesaham biasa (sen)	21	107	62
		----- 107	----- 62

Nota-nota di muka surat 18 hingga 50 merupakan sebahagian penting dari penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Akaun hasil insurans am bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2007

	Nota	Marin, Penerbangan & Transit								Jumlah	
		Kebakaran		Motor		Pelbagai					
		2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000
Premium kasar		155,832	133,499	169,412	126,151	16,841	17,728	152,204	147,062	494,289	424,440
Tolak: Insurans semula		(63,932)	(53,512)	(14,907)	(17,527)	(7,160)	(9,303)	(73,067)	(78,890)	(159,066)	(159,232)
Premium bersih		91,900	79,987	154,505	108,624	9,681	8,425	79,137	68,172	335,223	265,208
Pergerakan dalam rizab premium tidak terperoleh	11	(3,691)	(4,619)	(17,959)	(8,520)	118	(637)	(4,600)	254	(26,132)	(13,522)
Premium terperoleh		88,209	75,368	136,546	100,104	9,799	7,788	74,537	68,426	309,091	251,686
Tuntutan yang ditanggung bersih	22	(25,513)	(18,893)	(83,666)	(59,055)	(5,415)	(3,315)	(43,529)	(40,887)	(158,123)	(122,150)
Komisen bersih		(9,757)	(5,356)	(16,204)	(10,277)	(1,094)	(513)	(3,360)	(1,339)	(30,415)	(17,485)
		(35,270)	(24,249)	(99,870)	(69,332)	(6,509)	(3,828)	(46,889)	(42,226)	(188,538)	(139,635)
Lebihan penajaan jamin sebelum perbelanjaan pengurusan		52,939	51,119	36,676	30,772	3,290	3,960	27,648	26,200	120,553	112,051
Perbelanjaan pengurusan	18									(61,322)	(52,940)
Lebihan penajaan jamin										59,231	59,111
Pendapatan pelaburan	16									28,378	24,213
Pendapatan operasi lain-bersih	17									57,575	3,651
Pindahan ke penyata pendapatan										145,184	86,975

Nota-nota di muka surat 18 hingga 50 merupakan sebahagian penting dari penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata perubahan dalam ekuiti bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2007

Nota	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah
	Modal saham RM'000	Rizab penilaian semula hartanah RM'000	Rizab pertukaran asing RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
Pada 1 Januari 2006	100,000	-	201	82,422	182,623
Perubahan dalam polisi perakaunan:					
Kesan penerimaan pakai FRS 140	-	2,903	-	1,400	4,303
Cukai tertunda berhubung penerimaan pakai FRS 140	-	-	-	(392)	(392)
	-	2,903	-	1,008	3,911
Pada 1 Januari 2006, dinyatakan semula	100,000	2,903	201	83,430	186,534
Perbezaan terjemahan mata wang	-	-	(161)	-	(161)
Kerugian bersih tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan	-	-	(161)	-	(161)
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	61,550	61,550
Dividen 14	-	-	-	(50,400)	(50,400)
Pada 31 Disember 2006/ 1 Januari 2007	100,000	2,903	40	94,580	197,523
Perbezaan terjemahan mata wang	-	-	12	-	12
Keuntungan bersih tidak diiktiraf di dalam penyata pendapatan	-	-	12	-	12
Keuntungan bersih bagi tahun	-	-	-	107,073	107,073
Dividen 14	-	-	-	(102,200)	(102,200)
Pada 31 Disember 2007	100,000	2,903	52	99,453	202,408

Nota 12

Rizab pertukaran asing adalah berhubung dengan perbezaan yang timbul daripada terjemahan penyata kewangan cawangan Singapura.

Nota-nota di muka surat 18 hingga 50 merupakan sebahagian penting dari penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2007

	2007 RM'000	2006 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Keuntungan sebelum cukai	145,814	87,543
Pelarasan bagi:		
Susut nilai	3,480	3,732
Keuntungan atas pelupusan hartanah dan peralatan	(179)	(7)
Keuntungan atas penjualan pelaburan	(52,669)	(765)
Pergerakan dalam rizab premium tidak terperoleh	26,132	13,522
Faedah dibayar atas deposit syarikat insurans semula	2	3
Pendapatan pelaburan	(29,681)	(24,781)
Peruntukan tuntutan tertunggak	34,592	21,077
Peruntukan / (Masuk kira semula) bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	132	(33)
Pergerakan nilai saksama dalam pelaburan hartanah	(1,444)	(527)
Pelunasan premium, bersih dari pertambahan diskaun	673	584
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan daripada operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi	126,852	100,348
 Perubahan dalam aset dan liabiliti operasi		
Tambahan dalam premium tertunggak termasuk baki ejen/ broker dan syarikat insurans bersama dan jumlah terhutang daripada syarikat insurans semula dan penyerah	(18,067)	(389)
(Tambahan)/ kurangan dalam jumlah belum diterima lain, deposit dan pra-bayaran serta pendapatan terhutang dan terakru	(85)	234
Tambahan dalam pinjaman kakitangan	(38)	(2,006)
Tambahan dalam jumlah belum dibayar lain dan liabiliti terakru	1,425	1,526
Tambahan dalam jumlah terhutang kepada syarikat insurans semula, penyerah, ejen/ broker, syarikat insurans bersama dan pihak diinsuranskan	(4,749)	(5,726)
Kurangan dalam deposit tetap	(35,332)	(44,050)
Pergerakan nilai saksama dalam hartanah pelaburan	-	(1,430)
Pembayaran semula/ (tambahan) pinjaman korporat	500	(6,000)
Pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia	(9,097)	(5,325)
Pembelian debentur, bon, unit amanah dan stok pinjaman yang tidak disebut harga	(39,078)	(6,166)
Pembelian saham	(6,226)	(2,819)
Perolehan daripada kematangan Sekuriti Kerajaan Malaysia	11,000	4,500
Perolehan daripada pelupusan debentur, bon, dan stok pinjaman yang tidak disebut harga	8,408	14,548

No. Syarikat 307414-T

Penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2007 (sambungan)

	2007	2006
Perubahan dalam aset dan liabiliti operasi (sambungan)		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	69,883	5,601
Faedah dibayar atas deposit syarikat insurans semula	(2)	(3)
Pendapatan dividen diterima	12,886	11,190
Pendapatan faedah diterima	16,476	13,995
Lain-lain pendapatan diterima	319	180
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi sebelum cukai	<u>135,075</u>	<u>78,208</u>
Cukai dibayar	(32,331)	(20,673)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	<u>102,744</u>	<u>57,535</u>
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	286	13
Pembelian hartanah dan peralatan	(1,345)	(2,521)
Pelarasan nilai saksama bagi hartanah sebelum pindahan kepada pelaburan hartanah	-	(2,903)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(1,059)</u>	<u>(5,411)</u>
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan		
Dividen dibayar kepada syarikat pegangan	(102,200)	(50,400)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	<u>(102,200)</u>	<u>(50,400)</u>
(Kurangan)/ tambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(515)	1,724
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	6,375	4,812
Kesan perbezaan pertukaran asing	12	(161)
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>5,872</u>	<u>6,375</u>

Nota-nota di muka surat 18 hingga 50 merupakan sebahagian penting dari penyata kewangan ini.

Lonpac Insurance Bhd

(No. Syarikat 307414-T)

(Diperbadankan di Malaysia)

Nota-nota kepada penyata kewangan

Lonpac Insurance Bhd merupakan sebuah syarikat liabiliti berhad awam, yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia. Alamat-alamat bagi pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaannya adalah seperti berikut:

Pejabat berdaftar

Tingkat 6, Bangunan Public Bank

6, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Tempat utama perniagaan

LG, 6th, 7th, 21st - 25th Floor, Bangunan Public Bank

6, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Aktiviti utama Syarikat adalah dalam penajaan jamin semua jenis kelas perniagaan insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam jenis aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat merupakan syarikat subsidiari milik penuh LPI Capital Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan menyediakan penyata kewangan disatukan untuk kegunaan umum yang mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan.

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah pada 14 Januari 2008.

1. Asas penyediaan

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), prinsip-prinsip perakaunan yang diterima pakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta dan Peraturan Insurans, 1996 dan Garis Panduan/ Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Polisi-polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Syarikat adalah konsisten dengan polisi-polisi yang diguna pakai pada tahun sebelumnya selain daripada penerimaan pakai FRS baru dan disemak semula yang dikeluarkan oleh MASB berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2007, FRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan.

2. Asas penyediaan (sambungan)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

Selain daripada pengembangan keperluan pendedahan yang ditunjukkan dalam Nota 25, penerimaan pakai FRS 124 tidak mempunyai sebarang kesan kewangan yang penting kepada Syarikat.

MASB juga telah mengeluarkan FRS dan Interpretasi yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula selepas 1 Januari 2007 dan tidak digunakan dalam penyediaan penyata kewangan.

Piawai/ Interpretasi	Tarikh berkuat kuasa
FRS 107, <i>Penyata Aliran Tunai</i>	1 Julai 2007
FRS 111, <i>Kontrak Pembinaan</i>	1 Julai 2007
FRS 112, <i>Cukai Pendapatan</i>	1 Julai 2007
FRS 118, <i>Hasil</i>	1 Julai 2007
FRS 119, <i>Manfaat Kakitangan</i>	1 Julai 2007
FRS 120, <i>Perakaunan untuk Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan</i>	1 Julai 2007
Pindaan terhadap FRS 121, <i>Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing – Pelaburan Bersih dalam Kendalian Asing</i>	1 Julai 2007
FRS 126, <i>Perakaunan dan Pelaporan Pelan Manfaat Persaraan</i>	1 Julai 2007
FRS 129, <i>Laporan Kewangan dalam Ekonomi Inflasi Melampau</i>	1 Julai 2007
FRS 134, <i>Pelaporan Kewangan Interim</i>	1 Julai 2007
FRS 137, <i>Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka</i>	1 Julai 2007
FRS 139, <i>Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran</i>	Akan diumumkan
IC Interpretasi 1, <i>Perubahan dalam Penamatan Sedia Ada, Pemasangan Semula dan Liabiliti Serupa</i>	1 Julai 2007
IC Interpretasi 2, <i>Saham Ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Serupa</i>	1 Julai 2007
IC Interpretasi 5, <i>Hak ke atas Kepentingan berpunca daripada Penamatan, Pemasangan Semula dan Dana Pemulihan Persekitaran</i>	1 Julai 2007
IC Interpretasi 6, <i>Liabiliti berpunca daripada Penyertaan dalam Pasaran Tertentu – Peralatan Elektrik dan Elektronik Lebihan</i>	1 Julai 2007
IC Interpretasi 7, <i>Menggunakan Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 129₂₀₀₄ Laporan Kewangan dalam Ekonomi Inflasi Melampau</i>	1 Julai 2007
IC Interpretasi 8, <i>Skop FRS 2</i>	1 Julai 2007

2. Asas penyediaan (sambungan)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

Syarikat merancang untuk mengguna pakai semua FRS dan Interpretasi yang dinyatakan di atas (selain daripada FRS 111, FRS 120, FRS 126, FRS 129, IC Interpretasi 1, 2, 5, 6, 7 seperti yang dijelaskan di bawah dan FRS 139 di mana tarikh berkuat kuasa telah diumumkan lagi) bagi tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2008.

Penggunaan pakai awal bagi FRS dan Interpretasi yang dinyatakan adalah dijangka tidak mempunyai sebarang kesan yang material ke atas penyata kewangan Syarikat.

FRS 111, FRS 120, FRS 126, FRS 129, IC Interpretasi 1, 2, 5, 6 dan 7 tidak diterima pakai ke atas Syarikat. Maka, tiada pendedahan lanjut diperlukan.

Kesan daripada penggunaan pakai FRS 139 ke atas penyata kewangan apabila penerimaan pakai kali pertama piawai ini seperti yang dikehendaki oleh perenggan 30(b) FRS 108, Polisi-polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan Perakaunan tidak perlu didedahkan oleh sebab pengecualian yang diperuntukkan dalam perenggan FRS139.103AB.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan Syarikat disediakan atas dasar kos sejarah selain yang didedahkan di dalam Nota 2(c) kepada penyata kewangan.

(c) Fungsi dan persembahan mata wang

Penyata kewangan ini dipersembahkan di dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana ia adalah mata wang berfungsi Syarikat. Kesemua informasi kewangan dinyatakan dalam RM telah dikumpulkan kepada ribu yang terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan ke atas aplikasi polisi-polisi perakaunan dan amaun-amaun aset, liabiliti-liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin akan berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Anggaran dan perletakan andaian-andaian adalah disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran-anggaran perakaunan adalah diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran ini disemak dan pada mana-mana masa hadapan yang akan memberi kesan.

Tiada bidang-bidang penting bagi anggaran yang tidak pasti dan pertimbangan-pertimbangan kritikal dalam mengaplikasikan polisi-polisi perakaunan yang mempunyai kesan penting ke atas amaun-amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan adalah didedahkan di dalam nota-nota berikut:

Nota 2(c) - Penilaian atas hartanah pelaburan

Nota 2(i) - Peruntukan tuntutan tertunggak

2. Dasar-dasar perakaunan penting

Polisi-polisi perakaunan yang dinyatakan seperti di bawah telah diaplikasikan secara konsisten ke atas tempoh-tempoh yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Pertukaran dan terjemahan mata wang

(i) *Urusniaga mata wang asing*

Urusniaga dalam mata wang asing ditukar pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetori yang disebut dalam mata wang asing pada tarikh lembaran imbangan adalah diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti bukan monetori yang diukur dalam mata wang asing yang dinilai pada nilai saksama diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Perbezaan pertukaran asing yang wujud pada penterjemahan semula adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(ii) *Penyata kewangan cawangan Singapura*

Aset dan liabiliti cawangan Singapura, yang beroperasi dalam mata wang fungsian selain daripada RM, adalah ditukar kepada RM pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh lembaran imbangan. Hasil dan perbelanjaan cawangan berkenaan ditukar kepada RM pada kadar pertukaran purata yang boleh digunakan sepanjang tahun.

Perbezaan mata wang asing diiktiraf di dalam rizab pertukaran asing. Semasa pelupusan di cawangan, perbezaan pertukaran asing terkumpul akan diiktiraf di dalam penyata kewangan sebagai keuntungan atau kerugian atas jualan.

(b) Hartanah dan peralatan

(i) *Pengiktirafan dan pengukuran*

Hartanah dan peralatan selain daripada modal kerja sedang dijalankan dan premis pejabat pegangan pajakan jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan rugi penjejasan nilai terkumpul, sekiranya ada. Modal kerja sedang dijalankan dinyatakan pada kos ditolak rugi penjejasan, sekiranya ada. Premis pejabat pegangan pajakan jangka panjang adalah dinyatakan pada penilaian ditolak rugi penjejasan, sekiranya ada.

Kos termasuk perbelanjaan yang diagihkan secara langsung kepada pemerolehan aset dan lain-lain kos yang diagihkan secara langsung untuk membawa aset kepada persekitaran kerja bagi kegunaan yang diperlukan, serta kos membuka dan menyingkirkan item-item serta pemulihan tempat di mana ia ditempatkan. Pembelian perisian yang penting kepada fungsi peralatan yang berkaitan dimodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(b) Hartanah dan peralatan (sambungan)

(i) Pengiktirafan dan pengukuran(sambungan)

Apabila sebahagian penting item hartanah dan peralatan mempunyai perbezaan hayat kegunaannya, ia diambil kira sebagai item yang berasingan (komponen-komponen utama) hartanah dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian item hartanah dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan amaun dibawa pelupusan hartanah dan diiktiraf dalam “pendapatan/ (perbelanjaan) operasi lain- bersih” dalam penyata pendapatan.

(ii) Kos-kos berikutnya

Kos yang menggantikan sebahagian item hartanah dan peralatan adalah diiktiraf dalam amaun dibawa item tersebut sekiranya ia mungkin manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung di dalam bahagian yang akan masuk ke dalam Syarikat dan kosnya yang boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bagi bahagian-bahagian yang digantikan adalah tidak diiktiraf. Kos bagi perkhidmatan hari ke hari hartanah dan peralatan adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan sebagai ditanggung.

(iii) Susut nilai

Susut nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan berdasarkan garis lurus ke atas jangka hayat kegunaannya bagi setiap item hartanah dan peralatan. Aset pajakan disusut nilai ke atas tempoh pajakan jangka pendek dan hayat kegunaannya melainkan terdapat kepastian yang munasabah bahawa Syarikat akan mendapat hak milik pada akhir tempoh pajakan. Modal kerja sedang dijalankan tidak disusut nilaikan sehingga aset bersedia untuk kegunaan yang diperlukan.

Jangka hayat kegunaannya bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

- Premis pejabat pegangan pajakan jangka panjang 50 tahun
- Peralatan pejabat 4 tahun
- Perabot dan pemasangan 4 tahun
- Pengubahsuaian 5 tahun
- Komputer 4 tahun
- Kenderaan bermotor 5 tahun

Amaun boleh susut nilai ditentukan selepas ditolak nilai baki.

Kaedah susut nilai, jangka hayat kegunaannya dan nilai baki adalah dinilai semula pada setiap tarikh lembaran imbalan.

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(c) Hartanah pelaburan

(i) *Hartanah pelaburan dibawa pada nilai saksama*

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pegangan pajakan bagi memperoleh pendapatan sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya sekali.

Hartanah pelaburan adalah diukur pada permulaannya pada kos dan seterusnya pada nilai saksama dengan sebarang perubahan yang diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(ii) *Klasifikasi semula kepada/ daripada hartanah pelaburan dibawa pada nilai saksama*

Apabila item hartanah dan peralatan dipindahkan ke hartanah pelaburan berikutan perubahan dalam penggunaannya, sebarang perbezaan yang wujud pada tarikh pindaan di antara amaun dibawa item hartanah dan peralatan berkenaan sejurus sebelum pindahan dan nilai saksamanya diiktiraf secara langsung dalam ekuiti sebagai penilaian semula hartanah dan peralatan. Walau bagaimanapun, sekiranya keuntungan nilai saksama menterbalikkan kerugian penjejasan nilai sebelumnya, untung tersebut adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Apabila hartanah pelaburan dilupuskan, sebarang lebihan yang direkodkan ke dalam ekuiti sebelum ini akan dipindahkan ke perolehan tertahan; pindahan tersebut tidak dilakukan menerusi penyata pendapatan.

Apabila kegunaan hartanah berubah seperti ia diklasifikasi semula sebagai hartanah dan peralatan, nilai saksamanya pada tarikh klasifikasi semula menjadi kos kepada perakaunan seterusnya.

(iii) *Penentuan nilai saksama*

Syarikat penilaian bebas dari luar yang mempunyai kelayakan profesional yang berpatutan dan pengalaman-pengalaman terkini tentang lokasi dan kategori hartanah yang sedang dinilai, akan menilai portfolio hartanah pelaburan Syarikat secara tahunan.

Nilai saksama bagi hartanah pelaburan ditentukan dengan membandingkan nilai semasa dengan jualan terkini bagi hartanah di dalam persekitaran yang seumpamanya dengan pelarasan bersesuaian dibuat ke dalam lokasi, tingkat lingkungan dan lain-lain faktor yang relevan sebelum tiba ke nilai saksama bagi hartanah pelaburan. Penentuan pelarasan yang bersesuaian kepada nilai jualan terkini melibatkan tahap pertimbangan sebelum tiba kepada nilai saksama bagi setiap hartanah pelaburan.

Nilai saksama adalah berdasarkan nilai pasaran, meliputi amaun anggaran di mana hartanah boleh ditukarkan pada tarikh penilaian di antara pembeli yang berminat dan penjual yang berminat dalam suatu urusan yang tulus selepas pemasaran yang betul di mana pihak-pihak telah terlibat dengan pengetahuan, berhemat, dan tanpa paksaan.

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(d) Pelaburan

Pelaburan adalah diiktiraf pada permulaannya pada harga belian ditambah kos urusanniaga boleh diagih. Seterusnya untuk pengiktirafan awal:

- Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Singapura, Pinjaman Terjamin Kerajaan, bon-bon yang tidak disebut harga dan pelaburan lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan yang dipegang hingga matang dinyatakan pada kos seperti yang dilaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun yang dikira pada asas berterusan, bermula daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun diiktiraf di dalam akaun hasil.
- Pelaburan disebut harga dinyatakan pada nilai yang mana lebih rendah di antara kos dan nilai pasaran yang ditentukan pada asas portfolio agregat mengikut kategori pelaburan kecuali jika pengurangan nilai pelaburan tertentu tidak dianggap sebagai sementara, peruntukan dibuat terhadap nilai pelaburan tersebut.

Pengurangan nilai bagi pelaburan tertentu tidak dianggap sebagai sementara apabila nilai pasaran kurang daripada 80% nilai kosnya pada setiap masa sepanjang 24 bulan sebelumnya, dan peruntukan tertentu bagi menurunkan nilai yang akan dibuat dengan menurun nilai kos pelaburan disebut harga pelaburan tersebut kepada harga median purata bagi setiap bulan sepanjang tempoh 24 bulan tersebut.

- Pelaburan ekuiti yang tidak disebut harga dinyatakan pada kos. Peruntukan dibuat apabila Para Pengarah mendapati berlakunya pengurangan nilai pelaburan tersebut selain daripada yang dianggap sementara.

Semasa penjualan pelaburan, perbezaan antara perolehan penjualan bersih dan amaun dibawa adalah diiktiraf dalam akaun hasil/ penyata pendapatan.

(e) Penjejasan nilai aset

Amaun dibawa bagi aset selain daripada hartanah pelaburan yang dinilai pada nilai saksama dan aset kewangan, adalah disemak pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang indikasi penjejasan nilai. Sekiranya mana-mana indikasi adalah wujud, maka amaun pulih semula aset adalah dianggarkan.

Amaun boleh pulih semula bagi aset atau unit penjana tunai adalah mana-mana yang lebih tinggi di antara nilai boleh guna dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual. Dalam menaksir nilai boleh guna, anggaran masa hadapan aliran tunai adalah didiskaunkan ke nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa kewangan dan risiko-risiko tertentu bagi aset. Bagi tujuan ujian penjejasan nilai, aset dikumpulkan bersama ke dalam kumpulan aset yang lebih kecil bagi menjana alir masuk tunai dari kegunaan yang berterusan bagi alir masuk tunai yang bebas daripada lain-lain aset dan kumpulan aset (“unit penjana tunai”).

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(e) Penjejasan nilai aset (sambungan)

Kerugian penjejasan diiktiraf di dalam penyata pendapatan sekiranya amaun dibawa bagi aset atau unit penjanaaan tunai, melebihi amaun boleh pulih melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana kerugian penjejasan diiktiraf secara terus terhadap sebarang lebihan penilaian semula bagi aset yang sama pada tahap di mana rugi penjejasan tidak melebihi jumlah lebihan penilaian semula bagi aset yang sama. Kerugian penjejasan yang diiktiraf berdasarkan unit penjanaaan tunai adalah diagihkan terlebih dahulu bagi mengurangkan amaun dibawa bagi mana-mana muhibah yang diagihkan kepada unit dan kemudiannya untuk mengurangkan amaun dibawa bagi lain-lain aset di dalam unit (unit-unit berkumpulan) mengikut nisbah kadar atau bahagiannya.

Kerugian penjejasan, sekiranya ada, diiktiraf dalam tempoh sebelumnya adalah dinilai pada setiap tarikh pelaporan bagi mana-mana indikasi yang menunjukkan kerugian semakin berkurang atau tidak wujud lagi. Kerugian penjejasan adalah diterbalikkan sekiranya terdapat perubahan di dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang boleh dipulihkan semula. Rugi penjejasan adalah diterbalikkan hanya jika amaun dibawa aset tidak melebihi amaun dibawa yang boleh ditentukan, susut nilai atau pelunasan bersih, sekiranya tiada rugi penjejasan telah diiktiraf. Keterbalikkan kerugian penjejasan adalah dikreditkan ke penyata pendapatan dalam tahun di mana keterbalikkan diiktiraf, melainkan ia menterbalikkan rugi penjejasan ke atas aset dinilai semula, di mana ia dikreditkan secara terus kepada lebihan penilaian semula. Bagi rugi penjejasan ke atas aset dinilai semula yang telah diiktiraf sebelumnya di dalam penyata pendapatan, keterbalikkan kerugian penjejasan juga diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

(f) Belum diterima dagangan dan lain-lain

Belum diterima dagangan dan lain-lain adalah diiktiraf pada permulaannya pada kos apabila hak kontraktual untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain telah ditentukan.

Selepas pengiktirafan awal, belum diterima dagangan dan lain-lain adalah dinyatakan pada kos tolak peruntukan bagi hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan tertentu dibuat seperti berikut:

- (i) premium motor yang kekal tertunggak untuk lebih daripada 30 hari dari tarikh bila ia menjadi belum diterima;
- (ii) premium bukan motor, termasuk baki ejen atau insurans semula yang kekal tertunggak untuk lebih daripada enam (6) bulan dari tarikh bila ia menjadi belum diterima; dan
- (iii) kesemua hutang yang dianggap ragu.

Belum diterima dagangan dan lain-lain tidak berlaku bagi tujuan perdagangan.

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(g) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai meliputi tunai di dalam tangan dan baki dengan bank tetapi deposit tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan.

(h) Belum dibayar dagangan dan lain-lain

Belum dibayar adalah diukur pada permulaannya dan seterusnya pada kos. Belum dibayar diiktiraf apabila terdapat obligasi kontraktual untuk memberi tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain.

(i) Keputusan Penajaan Jamin Insurans Am

Keputusan penajaan jamin insurans am, ditentukan bagi setiap kelas perniagaan setelah mengambil kira antara lain, insurans semula, komisen, rizab premium tidak terperoleh dan tuntutan ditanggung.

Pendapatan premium

Premium diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko-risiko dipikul pada tempoh kewangan tersebut melainkan premium insurans semula triti alir masuk yang diiktiraf berdasarkan maklumat berkala/ akaun diterima daripada syarikat insurans penyerah.

Rizab Premium Tidak Terperoleh

Rizab Premium Tidak Terperoleh (UPR) mewakili bahagian premium bersih polisi insurans yang ditaja jamin yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi pada akhir tempoh kewangan.

Bagi menentukan UPR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah paling tepat untuk menggambarkan premium tidak terperoleh sebenar digunakan dan adalah seperti berikut:

Polisi tahunan

- (i) Kaedah 25% bagi perniagaan kargo marin, kargo penerbangan dan transit.
- (ii) Kaedah 1/24 bagi semua kelas lain perniagaan polisi am Malaysia dan perniagaan alir masuk luar negeri.

Pengiraan UPR telah diselaraskan untuk penambahan UPR sepertimana yang dikehendaki oleh garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkenaan premium yang diserahkan kepada syarikat insurans semula luar negeri.

Polisi bukan tahunan

Premium diperuntukkan sama rata sepanjang tempoh polisi berada dalam risiko.

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(i) Keputusan penajaan jamin insurans am (sambungan)

Peruntukan bagi tuntutan tertunggak

Satu liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf berhubung dengan insurans langsung dan insurans semula alir masuk. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan berserta perbelanjaan yang berkaitan ditolak perolehan semula bagi menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh lembaran imbangan.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, berserta perbelanjaan yang berkaitan ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh lembaran imbangan, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik yang dibawa oleh aktuari luar.

Menganggar peruntukan bagi tuntutan tertunggak, melibatkan ramalan masa depan pengalaman tuntutan Syarikat berdasarkan pengalaman tuntutan semasa. Atas sebab kesemuanya adalah ramalan, maka terdapat elemen-elemen ketidakpastian dan oleh sebab itu, ramalan masa depan pengalaman tuntutan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam meramal pengalaman tuntutan masa depan berdasarkan pengalaman tuntutan lepas.

Ketidakpastian-ketidakpastian ini timbul daripada perubahan-perubahan di dalam asas risiko-risiko, perubahan dalam sebarang risiko, pemaasaan dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian di dalam model ramalan dan asas andaian-andaian.

Kos pemerolehan

Kos memperolehi dan memperbaharui polisi insurans bersih daripada pendapatan yang diperolehi daripada premium syarikat insurans semula penyerah diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan sewajarnya dalam tempoh yang mana ia mungkin meningkatkan pendapatan. Kos pemerolehan atau pendapatan penyerah yang tidak boleh diperolehi atau dibayar semula apabila polisi berkaitan dilupuskan, tidak akan ditunda tetapi akan diiktiraf dalam tempoh mana ia berlaku.

(j) Pencukaian

Perbelanjaan cukai terdiri daripada cukai semasa dan tertunda. Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuai pada tahap di mana ianya berkait dengan perkara-perkara yang diiktiraf secara terus dalam ekuiti, bagi kes di mana ianya diiktiraf dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah cukai perlu dibayar dijangka atas pendapatan bercukai bagi tahun, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau yang telah digubal dengan ketara pada tarikh lembaran imbangan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar berhubung dengan tahun-tahun sebelumnya.

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(j) Pencukaaian (sambungan)

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah lembaran imbangan, menghasilkan perbezaan sementara di antara amaun dibawa bagi aset dan liabiliti untuk tujuan pelaporan dan amaun digunakan untuk tujuan pencukaaian. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam urusanniaga yang bukan kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan keuntungan atau bercukai. Cukai tertunda dinilai pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan untuk perbezaan sementara apabila ia diterbalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal pada tarikh lembaran imbangan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara bercukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf pada tahap berkemungkinan adanya keuntungan boleh cukai pada masa akan datang di mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan pada tahap tiada lagi kemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasi.

Cukai tambahan yang timbul dari pengagihan dividen diiktiraf pada masa yang sama liabiliti untuk membayar dividen berkaitan diiktiraf.

(k) Pengiktirafan hasil lain

(i) *Pendapatan faedah*

Pendapatan faedah atas pinjaman dan pelaburan berfaedah lain diiktiraf atas dasar akruan kecuali apabila pinjaman dianggap tidak berbayar, iaitu di mana pembayaran balik telah tertunggak selama lebih daripada enam (6) bulan, dalam keadaan mana pengiktirafan faedah sedemikian digantung. Selepas penggantungan, pendapatan faedah diiktiraf atas dasar penerimaan sehingga kesemua tunggakan dibayar.

(ii) *Pendapatan sewa*

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan kecuali di mana pemungkiran dalam pembayaran sewa telah berlaku dan sewa belum dibayar kekal tertunggak untuk lebih daripada enam (6) bulan, dalam keadaan mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan, pendapatan sewa diiktiraf atas dasar penerimaan sehingga kesemua tunggakan dibayar.

(iii) *Pendapatan dividen*

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak menerima bayaran telah ditentukan.

2. Dasar-dasar perakaunan penting (sambungan)

(1) Faedah kakitangan

Faedah kakitangan jangka pendek

Obligasi faedah kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit adalah diukur pada asas tidak didiskaunkan dan dibelanjakan seperti perkhidmatan berkaitan yang diperuntukkan.

Peruntukan diiktiraf bagi amaun yang dijangka perlu dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau pelan perkongsian keuntungan sekiranya Syarikat mempunyai perundangan semasa atau obligasi konstruktif untuk membayar amaun ini hasil daripada perkhidmatan lepas yang diperuntukkan oleh kakitangan dan obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan tepat.

Sumbangan Syarikat kepada dana pencen berkanun dicajkan ke penyata pendapatan bagi tahun di mana ia berkaitan. Setelah sumbangan dibayar, Syarikat tidak mempunyai obligasi pembayaran lanjut.

3. Hartanah dan peralatan

<i>Kos/ Penilaian semula</i>	Premis pejabat pegangan pajakan jangka panjang RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Perabot dan pemasangan RM'000	Pengubah- suaian RM'000	Komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Modal kerja sedang dijalankan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2006	4,567	773	3,331	3,716	13,258	3,055	56	28,756
Penambahan	-	42	343	516	1,192	313	115	2,521
Timbal-balik susut nilai terkumpul ke atas harta dipindahkan kepada hartanah pelaburan	(1,281)	-	-	-	-	-	-	(1,281)
Pelarasan nilai saksama sebelum dipindahkan ke hartanah pelaburan	2,903	-	-	-	-	-	-	2,903
Pindahan kepada hartanah pelaburan (Nota 4)	(6,189)	-	-	-	-	-	-	(6,189)
Pelupusan	-	(6)	(3)	(25)	-	(14)	-	(48)
Hapus kira	-	(9)	(24)	(24)	-	-	-	(57)
Perbezaan pertukaran	-	2	5	7	9	4	-	27
<hr/>								
Pada 31 Disember 2006/ 1 Januari 2007	-	802	3,652	4,190	14,459	3,358	171	26,632
Penambahan	-	2	101	72	653	154	363	1,345
Pindahan kepada hartanah pelaburan	-	-	45	112	130	-	(287)	-
Pelupusan	-	-	(17)	-	-	(350)	-	(367)
Hapus kira	-	(8)	(5)	-	(12)	-	-	(25)
<hr/>								
Pada 31 Disember 2007	-	796	3,776	4,374	15,230	3,162	247	27,585
<hr/> <hr/>								

No. Syarikat 307414-T

3. Hartanah dan peralatan (sambungan)

	Premis pejabat pegangan pajakan jangka panjang RM'000	Peralatan pejabat RM'000	Perabot dan pemasangan RM'000	Pengubah- suaian RM'000	Komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Modal kerja sedang dijalankan RM'000	Jumlah RM'000
<i>Susut nilai terkumpul</i>								
Pada 1 Januari 2006	1,281	566	2,157	2,175	8,478	1,604	-	16,261
Caj bagi tahun	-	112	537	560	1,911	612	-	3,732
Timbal-balik susut nilai terkumpul ke atas harta dipindahkan kepada hartanah pelaburan	(1,281)	-	-	-	-	-	-	(1,281)
Pelupusan	-	(4)	(3)	(25)	-	(10)	-	(42)
Hapus kira	-	(9)	(24)	(23)	-	-	-	(56)
Perbezaan pertukaran	-	1	4	5	8	3	-	21
<hr/>								
Pada 31 Disember 2006/ 1 Januari 2007	-	666	2,671	2,692	10,397	2,209	-	18,635
Caj bagi tahun	-	80	460	492	1,999	449	-	3,480
Pelupusan	-	-	(17)	-	-	(243)	-	(260)
Hapus kira	-	(8)	(5)	-	(12)	-	-	(25)
<hr/>								
Pada 31 Disember 2007	-	738	3,109	3,184	12,384	2,415	-	21,830
<hr/> <hr/>								
<i>Amaun dibawa</i>								
Pada 1 Januari 2006	3,286	207	1,174	1,541	4,780	1,451	56	12,495
<hr/> <hr/>								
Pada 31 Disember 2006/ 1 Januari 2007	-	136	981	1,498	4,062	1,149	171	7,997
<hr/> <hr/>								
Pada 31 Disember 2007	-	58	667	1,190	2,846	747	247	5,755
<hr/> <hr/>								

3. Hartanah dan peralatan (sambungan)

Termasuk di dalam hartanah dan peralatan adalah aset-aset berikut yang telah disusut nilai sepenuhnya yang masih lagi digunakan:

	2007	2006
	RM'000	RM'000
Pada kos:		
Peralatan pejabat	509	461
Perabot dan pemasangan	2,110	1,653
Pengubahsuaian	1,840	1,811
Komputer	8,131	6,741
Kenderaan bermotor	1,556	638
	=====	=====

4. Hartanah pelaburan

	Nota	2007	2006
		RM'000	RM'000
Pada 1 Januari		8,546	400
Kesan perubahan kadar pertukaran		-	30
Pindahan daripada hartanah dan peralatan	3	-	6,189
Perubahan dalam nilai saksama - perolehan tertahan		-	1,400
Perubahan dalam nilai saksama - penyata pendapatan		1,444	527
		-----	-----
Pada 31 Disember		9,990	8,546
		=====	=====

Hartanah pelaburan merangkumi beberapa hartanah komersil yang dipajak kepada pihak ketiga.

Berikut adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan berhubung dengan hartanah pelaburan:

	2007	2006
	RM'000	RM'000
Pendapatan sewa	319	180
Perbelanjaan operasi langsung	(3)	(5)
	=====	=====

No. Syarikat 307414-T

5. Pelaburan

	2007		2006	
	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	38,238		41,740	
Pelunasan premium	(1,394)		(2,337)	
	<u>36,844</u>		<u>39,403</u>	
Pinjaman Terjamin Kerajaan Malaysia	10,000		10,136	
Pelunasan premium	-		(118)	
	<u>10,000</u>		<u>10,018</u>	
Sekuriti Kerajaan Singapura	3,725		3,725	
Pelunasan premium	(221)		(170)	
	<u>3,504</u>		<u>3,555</u>	
Disebut harga:				
Unit amanah				
Dalam Malaysia	24,987	25,918	4,988	5,602
Luar Malaysia	104	343	102	293
	<u>25,091</u>	<u>26,261</u>	<u>5,090</u>	<u>5,895</u>
Disebut harga:				
Sekuriti ekuiti dalam syarikat				
Dalam Malaysia	39,191	156,768	53,198	147,753
Luar Malaysia	2,013	2,147	330	588
	<u>41,204</u>	<u>158,915</u>	<u>53,528</u>	<u>148,341</u>
Tidak disebut harga:				
Sekuriti ekuiti dalam syarikat				
Dalam Malaysia	235		235	
Luar Malaysia	56		56	
	<u>291</u>		<u>291</u>	
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai	(56)		(56)	
	<u>235</u>		<u>235</u>	

5. Pelaburan (sambungan)

	2007		2006	
	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000
Tidak disebut harga:				
Debentur, bon dan stok pinjaman	28,726		16,134	
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai	(455)		(422)	
Pertambahan diskaun	-		620	
Pelunasan premium	(14)		-	
	<hr/>		<hr/>	
	28,257		16,332	
	-----		-----	
Pinjaman korporat	5,500		6,000	
	-----		-----	
Deposit tetap dengan:				
- Bank-bank berlesen dalam Malaysia	300,134		275,856	
- Bank-bank luar Malaysia	64,933		47,879	
- Syarikat kewangan berlesen	-		6,000	
	<hr/>		<hr/>	
	365,067		329,735	
	-----		-----	
Jumlah Pelaburan	515,702		463,896	
	=====		=====	

Termasuk dalam pelaburan Syarikat di dalam saham syarikat-syarikat disebut harga dalam Malaysia adalah pelaburan dalam saham Public Bank Berhad dengan nilai dibawa bernilai RM35,030,000 (2006 - RM50,269,000).

6. Pinjaman (terjamin)

	2007 RM'000	2006 RM'000
Pinjaman kakitangan:		
Belum diterima dalam dua belas bulan	1,758	1,787
Belum diterima selepas dua belas bulan	17,207	17,140
	<hr/>	<hr/>
	18,965	18,927
	=====	=====

No. Syarikat 307414-T

7. Belum diterima dagangan dan lain-lain

	2007 RM'000	2006 RM'000
Belum diterima dagangan:		
Premium terhutang termasuk baki ejen/ broker dan syarikat insurans bersama	44,071	39,237
Terhutang daripada syarikat insurans semula dan penyerah	18,285	5,563
Tolak: Peruntukan bagi hutang ragu	(1,052)	(1,563)
	-----	-----
	61,304	43,237
	-----	-----
Belum diterima lain:		
Belum diterima lain, deposit dan prabayaran	3,317	3,095
Pendapatan terhutang dan terakru	3,253	3,390
	-----	-----
	6,570	6,485
	-----	-----
	67,874	49,722
	=====	=====

Di sepanjang tahun, hutang lapuk berjumlah RM663,000 (2006 – RM173,000) telah dihapus kira dari peruntukan hutang ragu.

8. Tunai dan kesetaraan tunai

	2007 RM'000	2006 RM'000
Tunai dan baki bank	5,872	6,375
	=====	=====

9. Peruntukan bagi tuntutan tertunggak

	2007 RM'000	2006 RM'000
Peruntukan bagi tuntutan tertunggak	399,784	327,467
Tolak: Boleh diperolehi semula daripada syarikat insurans semula	(194,330)	(156,605)
	-----	-----
Tuntutan tertunggak bersih	205,454	170,862
	=====	=====

No. Syarikat 307414-T

10. Belum dibayar dagangan dan lain-lain

	2007	2006
	RM'000	RM'000
Belum dibayar dagangan:		
Terhutang kepada syarikat insurans semula dan penyerah	18,115	23,027
Terhutang kepada ejen/ broker, syarikat insurans semula dan pihak diinsuranskan	4,093	3,930
	<u>22,208</u>	<u>26,957</u>
Belum dibayar lain:		
Belum dibayar lain dan perbelanjaan terakru	10,102	8,677
	<u>32,310</u>	<u>35,634</u>
	=====	=====

Termasuk di dalam belum dibayar lain Syarikat dan perbelanjaan terakru adalah baki-baki berikut:

	2007	2006
	RM'000	RM'000
Deposit bercagar diterima daripada pemegang polisi	69,811	80,364
Tolak: Deposit tetap – tunai bercagar	(69,535)	(79,985)
	<u>276</u>	<u>379</u>
	=====	=====

Baki-baki di atas adalah bersih oleh kerana deposit-deposit tetap yang diletakkan bagi tunai bercagar diterima untuk jaminan dikeluarkan bagi pihak pemegang polisi.

11. Rizab premium tidak terperoleh

2007	Marin, Penerbangan &				Jumlah
	Kebakaran	Motor	Transit	Pelbagai	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari	39,060	53,318	3,428	47,854	143,660
Tambahan/ (Kurangan)	3,691	17,959	(118)	4,600	26,132
	<u>42,751</u>	<u>71,277</u>	<u>3,310</u>	<u>52,454</u>	<u>169,792</u>
	=====	=====	=====	=====	=====
2006					
Pada 1 Januari	34,433	44,761	2,789	47,973	129,956
Tambahan/ (Kurangan)	4,619	8,520	637	(254)	13,522
Pergerakan diambil kira dalam rizab pertukaran asing	8	37	2	135	182
	<u>39,060</u>	<u>53,318</u>	<u>3,428</u>	<u>47,854</u>	<u>143,660</u>
	=====	=====	=====	=====	=====

No. Syarikat 307414-T

12. Modal saham

	2007		2006	
	Jumlah '000	Bilangan saham RM'000	Jumlah '000	Bilangan saham RM'000
Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham Dibenarkan	100,000	100,000	100,000	100,000
Diterbitkan dan dibayar penuh	100,000	100,000	100,000	100,000

13. Cukai tertunda**Liabiliti cukai tertunda diiktiraf**

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf adalah disebabkan oleh yang berikut:

	2007 RM'000	2006 RM'000
Hartanah pelaburan	-	392

14. Dividen

Dividen diiktiraf pada tahun semasa oleh Syarikat adalah:

2007	Sen sesaham (bersih selepas cukai)	Jumlah amaun RM'000	Tarikh pembayaran
Interim pertama 2007 biasa	21.90	21,900	20 Jun 2007
Interim kedua 2007 biasa	51.10	51,100	14 Disember 2007
Interim ketiga 2007 biasa	29.20	29,200	24 Disember 2007
Jumlah amaun		102,200	
2006			
Interim pertama 2006 biasa	50.40	50,400	5 Disember 2006
Jumlah amaun		50,400	

15. Hasil

	Dana pemegang saham RM'000	Perniagaan am RM'000	Jumlah RM'000
2007			
Premium kasar	-	494,289	494,289
Pendapatan pelaburan (Nota 16)	630	28,378	29,008
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	630	522,667	523,297
	=====	=====	=====
2006			
Premium kasar	-	424,440	424,440
Pendapatan pelaburan (Nota 16)	568	24,213	24,781
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	568	448,653	449,221
	=====	=====	=====

16. Pendapatan pelaburan

	Dana pemegang saham RM'000	Perniagaan am RM'000	Jumlah RM'000
2007			
Dividen kasar			
- unit amanah	-	257	257
- saham disebut harga di Malaysia	-	12,339	12,339
- saham disebut harga luar Malaysia	-	219	219
- saham tidak disebut harga di Malaysia	-	71	71
Pendapatan faedah			
- Pinjaman korporat	-	290	290
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	2,282	2,282
- Pinjaman Terjamin Kerajaan Malaysia	-	420	420
- Sekuriti Kerajaan Singapura	-	160	160
- Debentur/ Bon/ Stok Pinjaman (tidak disebut harga)	-	754	754
- Deposit tetap	630	11,940	12,570
Sewaan hartanah	-	319	319
Pelunasan premium, bersih dari pertambahan diskaun	-	(673)	(673)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	630	28,378	29,008
	=====	=====	=====

No. Syarikat 307414-T

16. Pendapatan pelaburan (sambungan)

	Dana pemegang saham RM'000	Perniagaan am RM'000	Jumlah RM'000
2006			
Dividen kasar			
- unit amanah	-	175	175
- saham disebut harga di Malaysia	-	10,800	10,800
- saham disebut harga luar Malaysia	-	133	133
- saham tidak disebut harga di Malaysia	-	82	82
Pendapatan faedah			
- Pinjaman korporat	-	271	271
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	2,486	2,486
- Pinjaman Terjamin Kerajaan Malaysia	-	400	400
- Bon Cagamas	-	116	116
- Sekuriti Kerajaan Singapura	-	195	195
- Debentur/ Bon/ Stok Pinjaman (tidak disebut harga)	-	407	407
- Deposit tetap	568	9,552	10,120
Sewaan hartanah	-	180	180
Pelunasan premium, bersih dari pertambahan diskaun	-	(584)	(584)
	568	24,213	24,781
	568	24,213	24,781

17. Pendapatan/ (perbelanjaan) operasi lain - bersih

	2007 RM'000	2006 RM'000
Keuntungan atas penjualan pelaburan	52,669	765
Keuntungan atas pelupusan hartanah dan peralatan	179	7
Faedah atas pinjaman kenderaan kakitangan	183	183
Faedah atas pinjaman perumahan kakitangan	447	404
Faedah diterima atas triti alir masuk	1	-
(Peruntukan)/ Masuk kira semula bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	(132)	33
Pendapatan runcit	2,784	1,732
Pergerakan nilai saksama dalam hartanah pelaburan	1,444	527
	57,575	3,651
	57,575	3,651

18. Perbelanjaan pengurusan

	2007	2006
	RM'000	RM'000
Perbelanjaan personel (termasuk personel pengurusan utama)		
- Upah, gaji dan lain-lain	28,389	25,335
- Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,910	2,546
	<hr/>	<hr/>
	31,299	27,881
Imbuhan juruaudit		
- yuran audit	281	246
Hutang lapuk dan ragu dihapus kira/ (masuk kira semula)	152	(241)
Susut nilai	3,480	3,732
Perbelanjaan sewaan atas premis pejabat	3,326	3,216
Faedah dibayar atas deposit syarikat insurans semula	2	3
Levi IGSF	721	595
Perbelanjaan lain	22,061	17,508
	<hr/>	<hr/>
Jumlah perbelanjaan pengurusan	61,322	52,940
	=====	=====

19. Imbuhan personel pengurusan utama

	2007	2006
	RM'000	RM'000
Pengarah Eksekutif		
- Yuran	100	100
- Gaji dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,058	918
- Bonus	584	528
- Faedah bukan tunai	72	68
	<hr/>	<hr/>
	1,814	1,614
	-----	-----
Pengarah Bukan Eksekutif		
- Yuran	392	405
- Faedah bukan tunai	22	36
- Lain-lain imbuhan	72	72
	<hr/>	<hr/>
	486	513
	-----	-----
Jumlah Imbuhan Para Pengarah	2,300	2,127
	=====	=====
Jumlah Imbuhan Para Pengarah (tidak termasuk faedah bukan tunai)	2,206	2,023
	=====	=====

20. Perbelanjaan cukai

	2007 RM'000	2006 RM'000
Perbelanjaan cukai semasa:		
Malaysia - semasa	39,501	25,500
- tahun-tahun sebelum	(401)	442
Luar negeri - semasa	33	51
	<hr/>	<hr/>
Jumlah cukai semasa	39,133	25,993
Perbelanjaan cukai tertunda		
Malaysia - tahun sebelum	(392)	-
	<hr/>	<hr/>
	38,741	25,993
	=====	=====
Penyesuaian perbelanjaan cukai efektif		
Keuntungan bagi tahun	107,073	61,550
Jumlah cukai	38,741	25,993
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan tidak termasuk cukai	145,814	87,543
	=====	=====
Cukai pendapatan menggunakan kadar cukai Malaysia sebanyak 27% (2006: 28%)	39,370	24,512
Kesan perbezaan kadar cukai bagi perniagaan luar pesisir	(656)	(404)
Perbelanjaan tidak deduktibel	1,065	1,162
Pendapatan dikecualikan cukai	(90)	(72)
Kesan perbezaan sementara deduktibel tidak diiktiraf	104	50
Perkara-perkara lain	(259)	303
	<hr/>	<hr/>
(Lebihan)/ Kurangan peruntukan dalam tahun-tahun sebelumnya	39,534 (793)	25,551 442
	<hr/>	<hr/>
Perbelanjaan cukai	38,741	25,993
	=====	=====

Berkuat kuasa pada tahun taksiran 2007, kadar cukai korporat adalah pada 27%. Belanjawan Malaysia 2007 juga mengumumkan pengurangan kadar cukai korporat masing-masing kepada 26% bagi tahun 2008 dan kepada 25% berkuat kuasa pada tahun taksiran 2009. Oleh itu, aset dan liabiliti cukai tertunda diukur menggunakan kadar cukai ini.

Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai cukai kredit Seksyen 108 yang mencukupi dan pendapatan dikecualikan cukai untuk membiayai keuntungannya sebanyak RM68,860,000 pada 31 Disember 2007 sekiranya dibayar sebagai dividen.

Belanjawan Malaysia 2008 memperkenalkan sistem cukai pendapatan syarikat satu peringkat yang berkuat kuasa pada tahun taksiran 2008. Oleh itu, cukai kredit Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 akan tersedia untuk Syarikat sehingga kredit tersebut telah digunakan sepenuhnya atau tamat pada tempoh peralihan selama enam tahun pada 31 Disember 2013, yang mana lebih awal.

21. Perolehan sesaham biasa

Pengiraan perolehan asas sesaham biasa adalah berdasarkan keuntungan bersih boleh diagihkan kepada para pemegang saham biasa sebanyak RM 107,073,000 (2006 - RM 61,550,000) dan purata berwajaran bilangan saham biasa yang tertunggak di sepanjang tahun sebanyak 100,000,000 (2006 - 100,000,000).

22. Tuntutan bersih ditanggung

		Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin, Penerbangan & Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
2007						
Tuntutan kasar dibayar tolak salvaj		89,149	71,579	5,319	53,154	219,201
Perolehan semula insurans semula		(65,265)	(8,936)	(1,926)	(19,543)	(95,670)
<hr/>						
Tuntutan bersih dibayar	(a)	23,884	62,643	3,393	33,611	123,531
Tuntutan bersih tertunggak:						
Pada 31 Disember	(b)	20,048	110,083	5,235	70,088	205,454
Pada 1 Januari	(c)	18,419	89,060	3,213	60,170	170,862
<hr/>						
Tuntutan bersih ditanggung(a+b-c)		25,513	83,666	5,415	43,529	158,123
<hr/> <hr/>						
2006						
Tuntutan kasar dibayar tolak salvaj		21,775	64,350	5,469	66,276	157,870
Perolehan semula insurans semula		(9,716)	(10,644)	(2,362)	(34,075)	(56,797)
<hr/>						
Tuntutan bersih dibayar	(a)	12,059	53,706	3,107	32,201	101,073
Tuntutan bersih tertunggak:						
Pada 31 Disember	(b)	18,419	89,060	3,213	60,170	170,862
Pada 1 Januari	(c)	11,578	83,644	3,003	51,243	149,468
<hr/>						
Perbezaan pertukaran diambil kira dalam rizab pertukaran asing	(d)	7	67	2	241	317
<hr/>						
Tuntutan bersih ditanggung(a+b-c-d)		18,893	59,055	3,315	40,887	122,150
<hr/> <hr/>						

23. Maklumat segmen bagi aliran tunai

	Perniagaan	Dana	Jumlah
	am	pemegang saham	
	RM'000	RM'000	RM'000
2007			
Aliran tunai dihasilkan daripada/			
(digunakan dalam):			
Aktiviti operasi	544	102,200	102,744
Aktiviti pelaburan	(1,059)	-	(1,059)
Aktiviti pembiayaan	-	(102,200)	(102,200)
	<u>(515)</u>	<u>-</u>	<u>(515)</u>
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai			
	(515)	-	(515)
Tunai dan kesetaraan tunai:			
Pada 1 Januari seperti dilaporkan sebelumnya	6,317	58	6,375
Kesan perbezaan pertukaran asing	12	-	12
	<u>5,814</u>	<u>58</u>	<u>5,872</u>
Pada 31 Disember	<u>5,814</u>	<u>58</u>	<u>5,872</u>
2006			
Aliran tunai dihasilkan daripada/			
(digunakan dalam):			
Aktiviti operasi	7,135	50,400	57,535
Aktiviti pelaburan	(5,411)	-	(5,411)
Aktiviti pembiayaan	-	(50,400)	(50,400)
	<u>1,724</u>	<u>-</u>	<u>1,724</u>
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai			
	1,724	-	1,724
Tunai dan kesetaraan tunai:			
Pada 1 Januari seperti dilaporkan sebelumnya	4,754	58	4,812
Kesan perbezaan pertukaran asing	(161)	-	(161)
	<u>6,317</u>	<u>58</u>	<u>6,375</u>
Pada 31 Disember	<u>6,317</u>	<u>58</u>	<u>6,375</u>

24. Instrumen kewangan

Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Pendedahan kepada risiko pasaran, penajaan jamin, kredit, kadar faedah, mata wang asing dan kecairan yang timbul dalam perjalanan biasa perniagaan Syarikat. Syarikat dipandu arah oleh polisi dan garis panduan pengurusan risiko yang menggariskan keseluruhan strategi perniagaan dan falsafah pengurusan risiko am. Syarikat telah mewujudkan proses-proses bagi mengawasi risiko-risiko tersebut secara berterusan.

Risiko pasaran

Nilai aset bersih pelaburan oleh Syarikat boleh berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam persekitaran pasaran. Risiko pasaran diuruskan melalui pembezaan portfolio dan pembahagian aset.

Risiko penajaan jamin

Risiko penajaan jamin adalah termasuk risiko menanggung kos tuntutan lebih tinggi daripada yang dijangka disebabkan oleh sifat rambang tuntutan, kekerapannya, kadar bencana dan risiko perubahan dalam keadaan perundangan atau ekonomi serta pola kelakuan yang mempengaruhi penentuan harga insurans dan syarat-syarat perlindungan insurans atau insurans semula. Ini mungkin menyebabkan syarikat insurans sama ada ia menerima premium yang terlalu rendah bagi risiko yang dipersetujui untuk penajaan jamin dan oleh itu tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk melabur dan untuk membayar tuntutan, atau tuntutan berlebihan dari yang dijangka. Syarikat berusaha untuk meminimumkan risiko penajaan jamin dengan gabungan dan sebaran perniagaan yang seimbang di antara kelas-kelas perniagaan dan melalui pematuhan garis panduan dan batas-batas penajaan jamin, penganggaran peruntukan tuntutan yang konservatif dan menggunakan piawaian tinggi terhadap keselamatan syarikat insurans semula.

Risiko kredit

Risiko kredit mewakili kerugian yang mungkin dikenal pasti sekiranya pihak bertimbal kepada insurans, penanggung insurans semula dan urusniaga pelaburan gagal melaksanakan perkara-perkara yang termaktub dalam kontrak.

Pihak pengurusan mengawasi pendedahan terhadap risiko kredit secara berterusan.

Pada tarikh lembaranimbangan, tidak terdapat penumpuan penting risiko kredit. Pendedahan maksimum risiko kredit Syarikat diwakili oleh amaun dibawa bagi setiap aset kewangan.

Risiko kadar faedah

Perolehan Syarikat dipengaruhi oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran yang disebabkan oleh kesan perubahan tersebut atas pendapatan faedah daripada tunai dan kesetaraan tunai dan pelaburan. Pihak pengurusan mengawasi risiko-risiko dalam pelaburan Syarikat, termasuk pemilihan yang dilakukan secara berhati-hati bagi memilih penerbit dan sebaran geografi pelaburan.

24. Instrumen kewangan (sambungan)

Risiko mata wang asing

Syarikat terdedah kepada risiko mata wang asing atas urusanniaga yang disebut dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia dan juga terjemahan penyata kewangan cawangan Singapura kepada Ringgit Malaysia. Pendedahan kepada risiko mata wang asing diawasi secara berterusan.

Syarikat tidak melindungi nilai risiko mata wang asingnya.

Risiko kecairan

Syarikat mengawasi dan mengekalkan satu paras bagi tunai dan kesetaraan tunai yang dianggap mencukupi oleh pihak pengurusan untuk membiayai operasi Syarikat dan mengurangkan kesan turun naik aliran tunai.

No. Syarikat 307414-T

24. Instrumen kewangan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan maklumat tentang pendedahan Syarikat kepada risiko kadar faedah.

Kadar faedah efektif dan analisa penentuan semula harga

Berhubung dengan aset kewangan berfaedah, jadual berikut menunjukkan kadar faedah efektifnya pada tarikh lembaran imbalan dan dalam tempoh di mana ia ditentukan semula harga atau matang, yang mana satu lebih awal. Tidak terdapat liabiliti kewangan berfaedah.

	2007					2006				
	Kadar faedah efektif %	Jumlah RM'000	Dalam 1 tahun RM'000	1 - 5 tahun RM'000	Selepas 5 tahun RM'000	Kadar faedah efektif %	Jumlah RM'000	Dalam 1 tahun RM'000	1 - 5 tahun RM'000	Selepas 5 tahun RM'000
Aset kewangan										
Cawangan Malaysia										
Sekuriti hutang dipegang hingga matang:										
Sekuriti Kerajaan Malaysia	5.2	36,844	-	32,818	4,026	6.2	39,403	11,246	28,157	-
Pinjaman Terjamin Kerajaan Malaysia	3.7	10,000	-	10,000	-	3.7	10,018	-	10,018	-
Debentur, bon dan stok pinjaman										
- Tidak disebut harga	5.0	21,080	-	6,000	15,080	6.0	10,833	-	1,000	9,833
Pinjaman korporat	5.0	5,500	1,000	4,500	-	5.0	6,000	500	5,000	500
Deposit tetap	3.4	300,134	300,134	-	-	3.4	281,856	281,856	-	-
Pinjaman kakitangan	3.2	18,235	1,642	5,882	10,711	3.2	18,113	1,674	5,738	10,701
Cawangan Singapura										
Sekuriti hutang dipegang hingga matang:										
Sekuriti Kerajaan Singapura	4.7	3,504	1,148	1,197	1,159	4.7	3,555	-	2,394	1,161
Debentur, bon dan stok pinjaman										
- Tidak disebut harga	2.8	7,177	1,815	4,114	1,248	2.5	5,499	5,499	-	-
Deposit tetap	2.6	64,933	64,933	-	-	3.1	47,879	47,879	-	-
Pinjaman kakitangan	1.5	730	116	428	186	1.5	814	113	446	255

24. Instrumen kewangan (sambungan)

Nilai saksama

Instrumen kewangan diiktiraf

Nilai saksama agregat aset kewangan yang dibawa ke lembaran imbangan pada 31 Disember diwakili di dalam jadual berikut.

	2007 Amaun dibawa RM'000	2007 Nilai saksama RM'000	2006 Amaun dibawa RM'000	2006 Nilai saksama RM'000
Aset kewangan				
Cawangan Malaysia				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	36,844	36,963	39,403	39,721
Pinjaman Terjamin Kerajaan Malaysia	10,000	10,036	10,018	10,021
Sekuriti ekuiti dalam syarikat				
- Disebut harga	38,290	144,063	53,198	147,753
Unit amanah	24,987	25,918	4,988	5,602
Debentur, bon dan stok pinjaman				
- Tidak disebut harga	21,080	21,272	10,833	12,228
Pinjaman korporat	5,500	5,500	6,000	6,000
Pinjaman kakitangan	18,235	18,235	18,113	18,113
	154,936	261,987	142,553	239,438
Cawangan Singapura				
Sekuriti Kerajaan Singapura	3,504	3,562	3,555	3,576
Sekuriti ekuiti dalam syarikat				
- Disebut harga	2,914	14,852	330	588
Unit amanah	104	343	102	293
Debentur, bon dan stok pinjaman				
- Tidak disebut harga	7,177	7,242	5,499	5,499
Pinjaman kakitangan	730	730	814	814
	14,429	26,729	10,300	10,770
	169,365	288,716	152,853	250,208

24. Instrumen kewangan (sambungan)

Nilai saksama sekuriti disebut harga adalah harga bidanya yang disebut harga pada tarikh lembaran imbangan. Untuk instrumen kewangan lain yang disenaraikan di atas, nilai saksamanya adalah harga petunjuk pada tarikh lembaran imbangan. Berhubung dengan tunai dan kesetaraan tunai, deposit tetap, belum diterima dagangan dan lain-lain, belum dibayar dagangan dan lain-lain serta pajakan belum diterima, amaun dibawa adalah lebih kurang dengan nilai saksama disebabkan oleh sifat jangka pendek relatif bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

Nilai saksama pinjaman kakitangan adalah sama seperti amaun dibawa kerana ianya tidak material dalam konteks penyata kewangan ini.

Dalam sekatan masa dan kos, adalah sukar untuk menganggar nilai saksama sekuriti tidak disebut harga dalam syarikat. Pelaburan Syarikat dalam sekuriti tidak disebut harga dalam syarikat-syarikat adalah tidak penting dalam konteks penyata kewangan ini.

25. Pendedahan pihak berkaitan penting

Bagi tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap berkaitan kepada Syarikat sekiranya Syarikat tersebut mempunyai keupayaan secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak lain dalam membuat keputusan kewangan atau operasi, atau sekiranya Syarikat dan satu pihak lain mempunyai pengaruh kawalan biasa atau pengaruh penting biasa. Pihak-pihak berkaitan boleh jadi individu atau syarikat-syarikat lain. Pihak-pihak berkaitan Syarikat adalah:

i) Syarikat Induk

Syarikat induk adalah LPI Capital Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

ii) Syarikat-syarikat Berkaitan

Ini merupakan entiti-entiti yang berada di bawah kawalan biasa Syarikat.

iii) Personel Pengurusan Utama

Personel pengurusan utama merangkumi Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat dan merupakan orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Imbuhan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif dinyatakan dalam Nota 19.

iv) Syarikat-syarikat di mana Pengarah Mempunyai Kepentingan Kewangan Substansial

Terdapat syarikat-syarikat di mana Pengarah Syarikat mempunyai kuasa mengundi besar dalam syarikat sedemikian, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

No. Syarikat 307414-T

25. Pendedahan pihak berkaitan penting (sambungan)

b) Baki tertunggak penting Syarikat dengan pihak berkaitan adalah seperti berikut:

	Syarikat-syarikat di mana Pengaruh mempunyai Kepentingan Kewangan Substansial	
	2007 RM	2006 RM
Baki-baki dengan pihak berkaitan:		
Deposit tetap	104,386	138,527
Baki bank	2,249	2,365
	106,635	140,892
	106,635	140,892